

ACUAN TASAWUR ISLAM TERHADAP KEWUJUDAN DAN SEBALIK KEWUJUDAN DALAM MENCORAK ILMU PENGETAHUAN ISLAM

Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.
E-mel: masakaree@usas.edu.my

ABSTRAK

Ilmu pengetahuan tidak dapat dipisahkan dengan tamadun manusia dan aktiviti kehidupan seharian mereka. Kemajuan dan kemunduran aktiviti jasmani dan rohani seorang manusia bergantung kepada corak ilmu pengetahuan yang mereka miliki. Menerusi Tasawur terhadap kewujudan dan sebalik kewujudan, Islam telah memperkenalkan corak ilmu pengetahuan mengikut acuan kaedah-kaedah tersendiri. Sehubungan dengan itu, tujuan makalah ini adalah untuk mengkaji dimensi-dimensi Tasawur Islam terhadap kewujudan dan sebalik kewujudan, corak ilmu pengetahuan yang dihasilkan serta kaedah-kaedah yang digunakan bagi membentuk corak-corak tersebut. Bagi mencapainya objektif, makalah ini menggunakan analisis kandungan melalui data kepustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Tasawur Islam terhadap kewujudan dan sebalik kewujudan merangkumi empat dimensi utama iaitu kewujudan Tuhan, kewujudan manusia, kewujudan alam fizikal dan kewujudan alam ghaib. Dimensi-dimensi tersebut telah mencorak ilmu pengetahuan Islam menerusi kaedah-kaedah tertentu seperti usul syariah dan maqasid syariah.

Kata kunci: Tasawur Islam, Kewujudan dan Ilmu Pengetahuan, Alam Ghaib, Maqasid Syariah

PENDAHULUAN

Semua agama Semitik atau yang lebih dikenali sebagai agama langit seperti Yahudi, Kristian dan Islam percaya bahawa ilmu pengetahuan yang amat luas dan sempurna hanya bagi Tuhan dan Dia adalah pemilik yang mutlak. Sebahagian daripada ilmu-ilmu yang dimiliki Tuhan turut diperturunkan kepada hamba-hamba-Nya. Sebahagiannya, diturunkan menerusi wahyu Ilahi kepada para nabi atau rasul-Nya dan dizahirkan dalam kitab-kitab suci masing-masing seperti Taurat, Injil, Zabur, al-Qur'an dan lain-lain.

Ilmu-ilmu yang dizahirkan di dalam al-Qur'an turut dipraktik oleh Rasul-Nya, Muhammad SAW. dan para sahabat Baginda RA bagi menjayakan misi khalifah dan ibadah kepada Tuhan Yang Maha Esa. Seterusnya, diperincikan lagi oleh para pengikut mereka dalam kalangan para ulama Salaf Soleh menerusi kaedah dan ilmu-ilmu tertentu. Hasil sumbangan mereka dan para pengikutnya telah berjaya membentuk gambaran-gambaran Islam yang jelas terhadap segala kewujudan dan sebalik kewujudan yang dikenali kemudiannya sebagai "*Tasawur Islam*". Sebuah Tasawur yang berperanan sebagai acuan dalam mencorak ilmu-ilmu pengetahuan Islam pada sepanjang abad dan menjadi warisan umat Islam sepanjang zaman.

Makalah ini akan dimulakan dengan pengertian Tasawur Islam, kewujudan dan sebalik kewujudan, sumber pembentukan Tasawur Islam, pokok utama Tasawur Islam, corak Ilmu Pengetahuan Islam dan diakhiri dengan kesimpulan.

PENGERTIAN TASAWUR ISLAM, KEWUJUDAN DAN SEBALIK KEWUJUDAN

Perkataan “tasawur” berasal daripada perkataan bahasa Arab “*al-taṣawwur*”. al-Jurjānī (1985) memberi maksud perkataan tersebut sebagai mendapat sesuatu gambaran di dalam fikiran. al-Tahānawī (1996) menterjemahkan perkataan tersebut kepada perkataan bahasa Inggeris “*representation*” atau “*conception*”. Kamus Dewan (PRPM, 2022) turut mengemukakan maksud perkataan “tasawur” sebagai pandangan, gambaran, konsep atau persepsi tentang sesuatu. Dalam hal ini juga, al-Ghazālī(c) (t.th.) pernah melaporkan bahawa ahli Mantik menamakan mengenal perbendaharaan kata sebagai tasawur dan ada juga yang menamakan tasawur itu sebagai makrifat.

Sayyid Quṭb (1997) ketika menjelaskan maksud bagi perkataan “*Muqawwimah al-Taṣawwur Islami*”. Beliau (1997) berpendapat bahawa ia adalah set fakta kepercayaan asas yang menimbulkan dalam akal fikiran dan hati orang Islam gambaran tertentu terhadap kewujudan dan sebalik kewujudan; kekuasaan pencipta dan kehendak pentadbir, serta hubung kait antara kewujudan dan kehendak tersebut. ‘Uthmān Jum‘ah Dumairiyyah (1993) turut memberi definisi perkataan “Tasawur Islam” sebagai pemikiran umum yang dibawa oleh Islam tentang seluruh kewujudan (Allah, *kaun*, kehidupan dan manusia). Manakala Ridwan Jamaal al-’Aṭrāsī (2011) pula, berpendapat bahawa Tasawur Islam merupakan set pemikiran berasaskan wahyu yang membentuk minda, nurani dan hati seseorang ke arah pencipta, agama dan alam semesta sekelilingnya, bagi tujuan mewujudkan hubungan dengan semua, berdasarkan perhambaan kepada Allah semata-mata.

Al-Quḍāh (2003) turut mengemukakan definisi tasawur Islam sebagai Akidah Islam berkaitan dengan Allah, *kaun* dan manusia serta hubungan antara semua. Beliau ikut menjelaskan maksud tasawur Islam secara ringkas, iaitu seorang Islam percaya bahawa Allah SWT. adalah Tuhan *kaun* dan penjadinya, Dia bersifat dengan segala Sifat Kesempurnaan, Maha Suci daripada sifat-sifat kekurangan dan Dia telah anugerahkan keseluruhan *kaun* kepada manusia bagi tujuan membantu mereka taat dan beribadah kepada-Nya. Muhammad Syukri Salleh (2003) pula memberi maksud tasawur sebagai gambaran bentuk Islam yang hakiki, yang menjelaskan secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara benar dan lengkap, sehingga bersebat di dalam diri orang yang memahaminya. Berdasarkan pengertian di atas, makalah ini merumuskan pengertian Tasawur Islam sebagai set gambaran akidah seorang Muslim terhadap kewujudan termasuk kewujudan Allah, *kaun* dan manusia, serta kaitan antaranya seperti dianjurkan oleh agama Islam menerusi wahyu Ilahi kepada nabi Muhammad SAW dan diperincikan oleh para ulama menerusi kaedah-kaedah tertentu.

‘Uthmān Jum‘ah Dumairiyyah (1993) percaya bahawa ulama pertama yang menggunakan istilah Tasawur Islam adalah ialah al-Maududi (1903-1979). Antaranya di dalam penulisan beliau bertajuk “*Nizām al-Ḥayāh fī al-Islām*” dan istilah yang sama juga turut digunakan Sayyid Quṭb (1906-1966) dalam “*Muqawwimah al-Taṣawwur al-Islami*”. Selain ke-dua ulama tersebut, ia turut digunakan oleh Sharaf al-Quḍāh pensyarah Universiti Jordan dalam “*al-Taṣawwur al-Islami*” sebagai teks pembelajaran bagi para pelajar asing bukan Arab.

Menurut ‘Uthmān Jum‘ah Dumairiyah (1993), istilah Tasawur Islam digunakan bagi mengikat orang Islam dengan sumber asas akidah bercorak baru iaitu al-Qur’an dan Sunah berbanding dengan corak yang sedia ada iaitu Ilmu Kalam. Selain membincangkan sudut membina dan membangun, al-Qudāh (2003) mencadangkan supaya ia dilibatkan juga perbincangan sudut perlindungan dan pencegahan seperti penolakan terhadap syubhah-syubhah penting. Bakr bin ‘Abd Allah Abu Zaid (1944-2008), ulama Kerajaan Arab Saudi turut mengingkari penamaan Tasawur Islam kerana menurut Abu Zaid (1996) sumber Tasawur adalah pemikiran yang berkemungkinan benar dan tidak benar.

Berkaitan dengan kewujudan pula, perkataan “kewujudan” adalah imbuhan apitan kepada kata dasar bahasa Arab “*wujūd*” yang bermaksud ada. Kamus Dewan (PRPM, 2022) memberi erti perkataan “kewujudan” sebagai perihal wujud (sesuatu) atau adanya (sesuatu). Al-Fārābī (1890) membahagikan yang ada atau yang wujud kepada dua jenis; pertama, jika dianggap zatnya tidak wajib ada dinamakan “*mumkin al-wujūd*” (yang mungkin ada). Kedua, jika dianggap zatnya wajib ada maka dinamakan “*wājib al-wujūd*” (yang mesti ada). Pembahagian yang ada kepada dua bahagian turut dikemukakan oleh al-Lajā’ī (2001). Menurut al-Lajā’ī (2001), yang boleh disifatkan sebagai “yang ada” itu, dapat dibahagikan kepada dua bahagian kumpulan iaitu “yang ada bersifat sedia” dan “yang ada bersifat baharu”; yang ada bersifat sedia iaitu ada Allah Taala. Dan yang ada bersifat baharu iaitu segala yang ada selain Allah Taala.

Pembahagian yang ada atau yang wujud turut dikembangkan lagi oleh Ibn Abī al-‘Izzī al-Ḥanafī (t.th.). Menurut Ibn Abī al-‘Izzī al-Ḥanafī (t.th.), yang ada itu, sama ada wajib dengan dirinya atau tidak wajib dengan dirinya, sama ada qadim lagi azali atau baharu ada setelah tiada, sama ada makhluk yang berhajat kepada Pencipta atau bukan makhluk dan tidak berhajat kepada Pencipta, sama ada berhajat kepada yang lain atau terkaya daripada yang lain. Selanjutnya, Osman Raliby (1969) mengakui bahawa Ada Allah Taala sebagai Tuhan (*Rabb*) Penjadi Yang Maha Esa, sementara ada semesta alam (*‘Ālamīn*) pula sebagai makhluk yang dijadikan oleh-Nya.

Kewujudan makhluk ciptaan Allah Taala pula, terbahagi kepada dua, iaitu makhluk ciptaan Allah Taala di alam nyata yang dapat dikesan oleh pancaindera lahir, zahir atau luar dan makhluk ciptaan Allah Taala di alam ghaib yang tidak boleh dikesan oleh pancaindera lahir manusia (al-Mubarak, t.th., Bey Arifin, 1977, Mustafa Muhammad al-Jayasi, 1993 dan Ab. Aziz Mohd. Zin, 1995).

Antara makhluk yang wujud di alam nyata atau alam zahir ialah manusia, haiwan-haiwan, yang melata di bumi, ikan-ikan di laut, tumbuh-tumbuhan, langit, bumi, bukit bukau, gunung-ganang, lautan yang terbentang luas, sungai yang mengalir di bumi dan yang lain-lainnya seperti bulan, bintang, matahari dan seluruh cakerawala di alam atmosfera (Ibnu Abdul Rahman 1998). Menurut Mustafa Muhammad al-Jayasi (1993) alam ini disebut juga sebagai “alam kenyataan”, “*alam al-syahādah*”, “*alam mulki*” dan “alam kasar”.

Sayyid Quṭb (1997) pula, mengemukakan contoh alam ghaib, antaranya; Semua yang menyerang manusia setelah mati dan semua yang dilalui sebelum kelahiran. Ibnu Abdul Rahman (1998) turut memperincikan contoh-contoh alam ghaib antaranya para malaikat, alam jin, alam barzakh atau alam kubur, alam akhirat, syurga, neraka, dan seluruh yang ada di alam ghaib. Menurut Mustafa Muhammad al-Jayasi (1993), alam di sebalik tirai yang tidak

dapat dikesan oleh pancaindera lahir ini disebut juga sebagai “*alam malakut*” atau “alam halus dan seni”.

Sayyid Quṭb (1997) berpandangan bahawa wujud yang dimaksudkan dalam Tasawur Islam merangkumi alam ghaib dan juga alam syahadah kerana kedua-duanya saling berkaitan, saling berinteraksi, tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, makalah ini merumuskan maksud Tasawur Islam terhadap kewujudan dan sebalik kewujudan sebagai set gambaran tentang Allah, kesemua yang berada di alam nyata dan alam ghaib seperti yang dianjurkan oleh agama Islam menerusi wahyu Ilahi kepada nabi Muhammad SAW., set gambaran tersebut telah bersebat di dalam jiwa umatnya.

Penetapan Tasawur Islam terhadap kewujudan dan sebalik kewujudan boleh membezakan maqam Pencipta dan makhluk. Ia merupakan garisan perpisahan di antara iman dan kufur seseorang hamba kepada Penciptanya. Sesiapa yang mencampuradukkan antara maqam Pencipta, iaitu Allah Taala dan maqam makhluk-Nya iaitu manusia, alam dan sebagainya, ia boleh menjadi kafir. Hal ini boleh dibuktikan dengan firman Allah Taala yang bermaksud:

(Dia) Pencipta langit dan bumi. Dia menjadikan bagi kamu dari jenis kamu sendiri pasangan-pasangan dan dari jenis binatang ternak pasangan-pasangan (pula), dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan jalan itu. Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dialah yang Maha mendengar dan Melihat (al-Syūrā 42: 11).

Pembicaraan tentang Pencipta dan makhluk adalah pembicaraan tentang unsur-unsur yang berbau akidah ketuhanan. Sayyid bin Quṭb bin Ibrāhīm al-Syādhilī (1980) percaya bahawa “daripada akidah ketuhanan Allah tumbuhlah segala konsep asas bagi hubungan-hubungan kosmik, vitalitas dan kemanusiaan”. Dengan itu, Yūsuf al-Qaraḍāwī (1993) turut percaya bahawa akidah adalah sumber tasawur dan pemikiran.

SUMBER PEMBENTUKAN TASAWUR ISLAM

Sumber utama yang merupakan akar umbi epistemologi ilmu Islam atau yang disebut oleh fuqaha (orang-orang yang alim dalam ilmu fikah) sebagai “*uṣūl al-syarī‘ah*” boleh disandarkan kepada firman Allah Taala yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya (al-Nisa’ 4: 59).

Menurut pentafsiran Muhammad al-Rāzī (1981), ayat ini merangkumi pengakuan usul yang empat (*uṣūl al-syarī‘ah*) mengikut susunannya. Isyarat Al-Qur’an dan hadis pada perkataan “*أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ*”, perkataan “*وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ*” menunjukkan kepada ijmak umat dan perkataan “*فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ*” pula menunjukkan kepada kias. Pentafsiran yang sama turut dikemukakan kemudiannya oleh al-Naisābūrī (1996), Ibn ‘Ādil (1998), al-Baqā’ī (t.th.), al-Alūsi (t.th.) dan Ṭanṭāwī (1997).

Seterusnya, Muhammad al-Rāzī (1981) dan Ibn ‘Ādil (1998) membahagikan usul-usul di atas

kepada dua bahagian, iaitu bahagian yang dinaskan dan bahagian yang tidak dinaskan. Diperintahkan taat pada bahagian pertama dengan “Hai orang-orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah Rasul, dan ulil amri di antara kamu”; dan perintahkan ijtihad pada bahagian kedua dengan “Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul”. Bahagian pertama; Al-Qur’an dan Sunah dikategorikan sebagai Maṣadir iaitu wahyu daripada Allah, manakala bahagian kedua; Ijtihad dikategorikan sebagai *Rawāfīd* iaitu usaha manusia bukannya wahyu (al-Quḍāh, 2003).

Keempat-empat sumber utama bersandarkan kepada ayat al-Qur’an dan dipersetujui oleh kebanyakan para ulama. Selain itu, para ulama turut mengemukakan beberapa sumber lain yang menjadi bahan pertikaian dalam kalangan mereka; Mazhab Hanafi mengemukakan *al-Istiḥsān*, mazhab Maliki mengemukakan *al-Maṣlaḥah al-Mursalah* dan mazhab al-Syafi’i pula mengemukakan *al-Istishāb*.

Menerusi sumber-sumber ini, tasawur Islam terhadap kewujudan berjaya dibentuk. Selain itu, ia mengambil kira juga pendekatan kaedah *maqāṣid al-syarī’ah* (tujuan syariat) yang telah diperkenalkan Abū Ishāq al-Syātibī (t.th.) iaitu *al-ḍarūriyāt* (keterpaksaan) seperti menjaga agama, jiwa, keturunan, harta dan akal, *al-ḥājīyāt* (keperluan) seperti memberi keringanan kepada mereka yang mengalami kesulitan kesakitan dan bermusafir dan *al-taḥsināt* (kecantikan) seperti adab makan dan minum. Kaedah yang sama pernah disebut oleh al-Ghazālī (t.th.) di bahagian *al-Istiṣlah* (mencari yang baik) atau *al-Maṣlaḥah al-Mursalah* sebagai kesinambungan daripada sebuah kaedah yang telah digunakan di dalam mazhab Maliki.

POKOK UTAMA TASAWUR ISLAM

Menurut Ḥasan Alī Muṣṭafā (1991) struktur agama terdiri daripada kumpulan kepercayaan tentang Allah, *kaun* dan manusia. Dalam perbincangan mengenai Tasawur Islam terhadap agama, Al-Maududi (1980) berpendapat bahawa agama Islam membincangkan hubungan antara Allah dan manusia, hubungan antara manusia sesama manusia dan hubungan antara manusia dengan makhluk-makhluk lain (*ka’ināt*) secara mudah.

Sayyid Quṭb (1997) dalam perbincangan beliau mengenai unsur-unsur Tasawur Islam yang merupakan perbincangan tentang kaedah pembinaan sistem kehidupan manusia. Beliau (1997) memperincikan hal-hal Ketuhanan dan perhambaan termasuk hakikat alam, hakikat kehidupan dan hakikat manusia. Unsur-unsur yang sama turut dikemukakan oleh Muhammad Fahad al Basher (t.th.) Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti al-Malik Saud dengan penambahan satu hakikat lagi iaitu hakikat makrifah.

Muhammad Syukri Salleh (2003) dalam perbincangan terhadap prinsip pembangunan berteraskan Islam pula, berpendapat bahawa Al-Qur’an, secara langsung dan tidak langsung telah menggambarkan tentang terdapatnya tiga pokok utama tasawur Islam iaitu Allah s.w.t. adalah Pencipta. manusia adalah makhluk dan sumber alam juga adalah makhluk yang seperti juga manusia, tunduk patuh kepada Allah s.w.t.

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, makalah ini merumuskan bahawa pokok perbincangan Tasawur Islam adalah Allah merupakan Tuhan Penjadi, Pengurus dan Pentadbir kepada segala-gala. Dia bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan bersih daripada segala

sifat kekurangan. Dan Dia juga yang paling layak disembah. Manakala selain daripada Allah pula, merupa makhluk yang menjadi, diurus dan ditadbir oleh-Nya. Bersifat dengan sifat-sifat kekurangan dan tidak layak disembah. Kesemuanya telah dibincangkan dalam ilmu Tauhid. Menurut Sayyid Qutb (1997) Tasawur Islam memperincikan dengan jelas perbezaan antara Ketuhanan dan perhambaan dari sudut tabiat, kedudukan dan ciri-ciri. Menurut Qutb (1997) lagi, Islam beranggapan bahawa isu Tauhid merupakan isu utama dan lebih besar.

Selain hubungan antara Allah dan makhluk. Ia turut dibincangkan juga hubungan sesama makhluk yang dijadikan oleh Allah sebagai pengabdikan kepada-Nya Tuhan *Rabb al-'Ālamīn*, termasuk hubungan sesama manusia seperti konsep hubungan kemasyarakatan, hubungan manusia dengan alam zahir dan alam ghaib seperti konsep rezeki. Juga hubungan antara alam zahir dan alam ghaib seperti tugas-tugas para malaikat. Kesemuanya turut dibincangkan dalam ilmu Usuluddin, Fikah, Akhlak dan sebagainya.

Antara ayat-ayat al-Qur'an yang menggambarkan pokok-pokok utama tasawur Islam serta hubungan antara pokok-pokok utama tersebut adalah firman Allah yang bermaksud:

Hai manusia, sembahlah Tuhanmu yang telah menciptakanmu dan orang-orang yang sebelummu, agar kamu bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu mengetahui (al-Baqarah 2: 21-22).

Menurut pentafsiran al-Khāzin (1979), Allah Taala menyuruh setiap manusia yang mukalaf supaya merendahkan diri mereka kepada Allah Yang mengadakan mereka tanpa contoh dan menjadi orang-orang sebelum mereka, agar mereka berjaya dari azab Allah. Dialah Yang menjadikan bumi dan lain-lain seperti yang telah dijelaskan di dalam ayat di atas, padahal mereka mengetahui dengan akal mereka bahawa kesemua itu tidak mengharuskan mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah kerana Dia adalah Penjadi segala-galanya.

Al-Maḥallī dan al-Suyūṭī (t.th.) pula, mentafsirkan bahawa Allah Taala menyuruh manusia iaitu ahli Mekah supaya menyembah atau mengesakan Tuhan mereka yang menjadikan mereka yang sebelumnya tiada dan juga orang-orang sebelum mereka. Dialah Yang Menjadikan bumi sebagai hamparan bagi mereka dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untuk mereka kerana itu janganlah mereka mengadakan sekutu-sekutu dalam beribadah kepada Allah Taala, padahal mereka mengetahui bahawa Dia adalah Pencipta sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

Antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan kamu dari tanah, kemudian tiba-tiba kamu (menjadi) manusia yang berkembang biak. Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir. Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui. Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah tidurnya di waktu malam dan siang hari dan usahamu mencari

sebahagian dari karunia-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang mendengarkan. Antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, Dia memperlihatkan kepadamu kilat untuk (menimbulkan) ketakutan dan harapan, dan Dia menurunkan hujan dari langit, lalu menghidupkan bumi dengan air itu sesudah matinya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang mempergunakan akalanya. Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah berdirinya langit dan bumi dengan iradat-Nya. Kemudian apabila Dia memanggil kamu sekali panggil dari bumi, seketika itu (juga) kamu keluar (dari kubur) (al-Rūm 30: 20-25).

Menurut pentafsiran Ibn ‘Abbās (t.th.), antara tanda-tanda Keesaan, Kudrat dan kenabian utusan Allah adalah menjadi kamu (manusia) daripada Adam, Adam daripada tanah dan kamu kalian adalah anak cucunya. Kemudian tiba-tiba kamu (menjadi) manusia yang bersenang-senang di permukaan bumi. Antara tanda-tanda Keesaan dan Kudrat-Nya juga adalah menciptakan langit, bumi, berlain-lainan bahasamu iaitu Arab, Farisi dan lain-lain dan warna kulitmu iaitu merah, hitam dan sebagainya. Dan antara tanda-tanda Keesaan dan Kudrat-Nya juga adalah Dia memperlihatkan kilat daripada langit untuk (menimbulkan) ketakutan bagi orang-orang musafir dan harapan bagi penduduk, dan Dia menurunkan air hujan dari langit, lalu menghidupkan bumi dengan hujan itu sesudah kemarau dan kering.

Seterusnya, al-Ṭabarī (1997) berpendapat bahawa antara hujah bahawa Allah Taala Maha Berkuasa terhadap segala yang dikehendaki adalah mengadakan, membinasakan, menjadikan dan meniadakan adalah menjadikan manusia daripada tanah kerana Adam daripada tanah. Antara hujah dan tanda bahawa tidak ada sesuatu yang melemahkan Allah Taala adalah Dia menjadikan langit dan bumi daripada tiada, berlain-lainan tutur kata lidah-lidah kamu dan bahasanya, dan berlain-lain warna badan kamu. Dan antara hujah-Nya juga adalah memperlihatkan kilat yang menakutkan apabila kamu bermusafir bahawa ia mendatangkan hujan yang menjadi gangguan dan harapan apabila kamu menetap bahawa ia mendatangkan hujan yang akan menghidupkan dan juga menyuburkan.

Selain ayat-ayat al-Qur'an di atas, pokok-pokok utama tasawur Islam tersebut turut tergambar juga pada firman Allah yang bermaksud:

Allah jualah yang meninggikan langit tanpa tiang sebagaimana kamu melihatnya, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy; dan Ia menundukkan matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar untuk suatu masa yang ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkan urusan; Ia menerangkan tanda-tanda kekuasaan-Nya satu-persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu untuk menerima balasan. Dan Dialah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan berpasangan dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir. Dan di bumi ada beberapa bahagian tanah yang berdekatan; dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain pada rasanya. Bahawa yang demikian itu ada tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang berfikir serta memahaminya. Dan jika kamu merasa hairan, maka sungguh menghairankan perkataan mereka: Adakah apabila kami telah menjadi tanah, apakah kami akan dijadikan yang baru? Mereka itulah yang kufurkan Tuhan mereka, dan mereka dibelenggu di leher mereka; dan merekalah ahli neraka, mereka kekal di

dalamnya. Dan mereka meminta kepadamu disegerakan kedatangan azab sebelum mereka memohon kebaikan; padahal sesungguhnya telah berlaku contoh-contoh azab sebelum mereka. Dan sesungguhnya Tuhanmu Amat melimpah keampunan-Nya bagi manusia terhadap kezaliman mereka, dan sesungguhnya Tuhanmu juga Amatlah keras balasan azab-Nya. Dan berkatalah orang yang kafir: Mengapa tidak diturunkan kepada Muhammad sesuatu mukjizat dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi amaran, dan tiap-tiap umat ada Nabinya yang memimpin ke jalan yang benar. Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap ibu, dan apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau yang lebih. Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisi-Nya dengan kadar yang tertentu. Dialah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah jua Yang Maha Besar, lagi Maha Tinggi. Sama sahaja bagi-Nya: sesiapa di antara kamu yang merahsiakan kata-katanya dalam hati dan yang menyatakannya; juga yang bersembunyi pada waktu malam dan yang keluar berjalan pada waktu siang. Bagi setiap seorang ada malaikat penjaganya dari hadapan dan belakangnya, yang menjaganya dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila dikehendaki oleh Allah keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak, dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripada-Nya. Dialah yang memperlihatkan kilat kepadamu untuk menimbulkan rasa takut dan harapan akan hujan; dan Ia yang menjadikan awan mendung. Dan bertasbih guruh dan malaikat memuji-Nya, kerana takut kepada-Nya. Dan Dialah juga yang menghantarkan petir, lalu mengenakan panahannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan mereka berbantah-bantahan tentang Allah, dan Ia Amat keras azab seksa-Nya. Kuasa menerima ibadat yang benar tertentu bagi Allah; dan benda-benda yang mereka sembah selain dari Allah, tidak dapat memberikan kepada mereka, sesuatu pun, melainkan seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadat dan doa permohonan orang kafir itu melainkan dalam kesesatan. Dan kepada Allah bersujud segala yang ada di langit dan bumi dengan sukarela atau terpaksa; dan juga bayang-bayang mereka di waktu pagi dan petang. Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakan lagi: Patutkah kamu mengambil dari yang selain Allah sebagai pelindung, yang tidak dapat mendatangkan sebarang manfaat bagi dirinya sendiri, dan tidak dapat menolak sesuatu bahaya? Katakanlah: Adakah sama orang buta dengan yang celik? Atau adakah sama gelap dengan terang? Atau adakah makhluk-makhluk yang mereka jadikan sekutu bagi Allah itu telah mencipta sesuatu seperti ciptaan-Nya, sehingga ciptaan-ciptaan itu menjadi kesamaran kepada mereka? Katakanlah: Allah jualah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa (al-Ra'd 13: 2-16).

Allah lah yang menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy . Tidak ada bagi kamu selain daripadanya seorang penolongpun dan tidak (pula) seorang pemberi syafaat . Maka apakah kamu tidak memperhatikan? Dia mengatur urusan dari langit ke bumi, kemudian (urusan) itu naik kepadanya dalam satu hari yang kadarnya adalah seribu tahun menurut perhitunganmu . Yang demikian itu ialah Tuhan Yang Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang. Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan yang memulai penciptaan manusia dari tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina. Kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati; (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur (al-Sajdah 32: 4-9).

Dia menciptakan langit dan bumi dengan (tujuan) yang benar; Dia menutupkan malam atas siang dan menutupkan siang atas malam dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan menurut waktu yang ditentukan. Ingatlah Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Pengampun. Dia menciptakan kamu dari seorang diri kemudian Dia jadikan daripadanya isterinya dan Dia menurunkan untuk kamu delapan ekor yang berpasangan dari binatang ternak. Dia menjadikan kamu dalam perut ibumu kejadian demi kejadian dalam tiga kegelapan. Yang (berbuat) demikian itu adalah Allah, Tuhan kamu, Tuhan yang mempunyai kerajaan. Tidak ada Tuhan selain Dia; Maka bagaimana kamu dapat dipalingkan? (al-Zumar 39: 5-6)

Bertasbih kepada Allah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi; Hanya Allah lah yang mempunyai semua kerajaan dan semua pujian, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Dia-lah yang menciptakan kamu maka di antara kamu ada yang Kafir dan di antaramu ada yang Mukmin. Dan Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan. Dia menciptakan langit dan bumi dengan haq. Dia membentuk rupamu dan dibaguskan-Nya rupamu itu dan hanya kepada Allah-lah kembali(mu) (al-Taghābun 64: 1-3).

Maha Suci Allah yang di tangan-Nyalah segala kerajaan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu, Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun, Yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis. Kamu sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Tuhan yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang. Maka Lihatlah berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang? Kemudian pandanglah sekali lagi nescaya penglihatanmu akan kembali kepadamu dengan tidak menemukan sesuatu cacat dan penglihatanmu itupun dalam keadaan payah. Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat dengan bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu alat-alat pelempar syaitan, dan Kami sediakan bagi mereka seksa neraka yang menyala-nyala (al-Mulk 67: 1-5).

Padahal Dia sesungguhnya telah menciptakan kamu dalam beberapa tingkatan kejadian. Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit bertingkat-tingkat? Dan Allah menciptakan padanya bulan sebagai cahaya dan menjadikan matahari sebagai pelita? Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan sebaik-baiknya. Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu (daripadanya pada hari kiamat) dengan sebenar-benarnya. Dan Allah menjadikan bumi untukmu sebagai hamparan. Supaya kamu menjalani jalan-jalan yang luas di bumi itu" (Nuḥ 71: 14-20).

Tasawur Islam merupakan Tasawur Rabbani bukannya Tasawur Insani. Ia telah menggambarkan kewujudan set hubungan antara Pencipta, manusia, dan makhluk-makhluk lain. Daripada tasawur ini lah terpancar ilmu-ilmu pengetahuan berkaitan dengan Tuhan Yang Maha Kuasa dan manusia juga makhluk-makhluk lain yang lemah longlai di alam zahir dan alam ghaib. Kesemuanya menjadi batu asas bagi menjalani misi seorang manusia di permukaan bumi. Demikianlah ilmu-ilmu pengetahuan Islam mempunyai acuan tasawur dan epistemologi tersendiri.

Selain rabbani atau ketuhanan, Sayyid Quṭb (t.th.) turut mengemukakan *al-Thābāt* (tetap tidak berubah), *al-Syumūl* (menyeluruh atau lengkap), *al-Tawāzun* (keseimbangan), *al-Ijābiyyah* (positif), *al-Wāqi'iyah* (realistik) dan *al-Tauḥīd* (Keesaan Allah) sebagai ciri

utama tasawur Islam.

CORAK ILMU PENGETAHUAN ISLAM

Ilmu pengetahuan Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ilmu fardhu 'ain dan ilmu fardhu kifayah. Fardhu ialah suatu yang diberikan pahala sebaik sahaja mengerjakannya dan disiksa apabila meninggalkannya (al-Bayjūrī, t.th.). Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati al-Maliki atau yang lebih dikenali sebagai Abu Ishāq al-Syātibī (t.th.) memberi maksud fardhu 'ain sebagai permintaan yang sudah ditetapkan di atas setiap individu yang mukalaf. Pengertian yang hampir sama juga turut dikemukakan oleh Sulaiman al-Bujairimī dan Abu 'Urwah. Menurut al-Bujairimī (1995), fardhu 'ain adalah tuntutan dari setiap individu dengan apa yang ditentukan. Abu 'Urwah (1989) pula, mengemukakan fardhu 'ain sebagai perkara-perkara fardhu ke atas setiap orang yang beriman seperti solat, zakat, puasa di bulan Ramadan dan haji.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady dan al-Qaraḍāwī mengemukakan pengertian ilmu fardhu 'ain berbentuk yang lebih luas. Menurut Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1982), ilmu fardhu 'ain ialah ilmu yang mesti dipelajari oleh setiap orang setakat yang diperlukan untuk melaksanakan syarat yang minimal untuk hidup dalam tamadun Islam. Al-Qaraḍāwī (1993) pula, mengemukakan pengertian ilmu fardhu 'ain berbentuk apa yang penting dalam memahami agamanya; akidah, ibadah dan perilaku, dan memahami pekerjaan dunianya hingga memadai oleh dirinya, keluarganya dan menyumbang pada kecukupan umatnya.

Adapun maksud ilmu fardhu kifayah, al-Suyūfī (t.th.) merumuskan fardhu kifayah sebagai perkara-perkara yang bersifat umum, ada kaitan dengan kepentingan dunia atau akhirat dan tidak tersusun suatu pekerjaan tanpanya, maka syarak menuntut supaya menghasilkannya tanpa membebankan dan apabila dikerjakannya oleh sebahagian maka gugurlah tuntutan terhadap yang lain. Seterusnya, al-Bayjūrī (t.th. dan t.th.) mengkategorikan sebagai fardhu kifayah apabila fardhu itu dikerjakan oleh sebahagian orang-orang Islam maka gugurlah tuntutan terhadap yang lain seperti solat jenazah, jihad dan sebagainya. Selain urusan-urusan memenuhi keperluan kemasyarakatan seperti pengurusan jenazah, pengajaran dan pengajian ilmu dan lain-lain, Muhammad Syukri Salleh (2003) turut mengemukakan juga contoh-contoh yang boleh dikaitkan dengan hal-ehwal kehidupan kemasyarakatan seperti perundangan, kedokteran, politik, ekonomi, pembangunan, sosial dan sebagainya.

Kategori yang sama nadanya juga turut dikemukakan oleh Muhammad 'Uthman El-Muhammady. Menurut El-Muhammady (1982), fardhu kifayah iaitu kewajipan yang terjatuh di atas semuanya yang ada dalam umat ini, tetapi kewajipan itu gugur dengan adanya sebahagian daripada mereka yang melaksanakannya. Selanjutnya, Abu 'Urwah (1989) percaya bahawa fardhu kifayah adalah satu fardhu yang ditetapkan kepada umat Islam dan dikira terlaksana sekiranya terdapat beberapa orang dari kalangan umat Islam melaksanakannya dan ianya beres ataupun mencukupi bagi keperluan seluruh umat Islam.

Dengan itu, ilmu fardhu kifayah merupakan ilmu yang wajib dipelajari bertujuan untuk memenuhi segala keperluan umat Islam dan ia dikira terlaksana apabila sebahagian dari kalangan mereka dapat memenuhi keperluan tersebut, jika tidak kesemua mereka akan

berdosa. Sebagai contoh kefardhuan ilmu yang berkaitan dengan pengebumian jenazah akan gugur dari seluruh masyarakat apabila tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan baik. Sebaliknya pula, kesemua mereka akan berdosa jika tugas tersebut tidak dapat dilaksanakan. Di sinilah, orang-orang Islam yang belum pernah melibatkan diri mereka dalam bidang tersebut diwajibkan menceburi diri mereka hingga tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan baik.

Dalam hal ini juga, Abul A'la al-Maududi (1979) menjelaskan bahawa meskipun tanggung jawab fardhu kifayah dipikul oleh seluruh kaum Muslimin, tetapi mereka bebas daripadanya apabila ia dilakukan oleh suatu jemaah dari mereka dan ditunaikannya atas nama yang lain. Al-Qaradāwī (1993) turut berkongsi memberi penjelasan dalam hal tersebut. Menurut beliau, ilmu fardhu kifayah ialah setiap yang menguatkan agama dan dunia bagi komuniti Muslim daripada ilmu-ilmu agama dan dunia. Jika adanya sebilangan ulama, pakar, dan profesional yang mengisi kekosongan, memenuhi keperluan maka tertunai kewajipan umat serta bebas daripada dosa dan kesalahan. Sekiranya gagal di mana-mana aspek duniawi dan menjadi bergantung kepada orang lain secara keseluruhan atau sebahagian maka berdosa kesemuanya, lebih-lebih lagi para pemimpin.

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan, maka ilmu fardhu kifayah adalah ilmu yang bersifat umum. Selain itu, ilmu fardhu kifayah juga ada kaitan dengan ilmu keduniaan atau keakhiratan dan tidak dapat dilaksanakan suatu urusan tanpa ilmu-ilmu tersebut. Seterusnya, ilmu fardhu kifayah adalah ilmu yang diwajibkan oleh syarak terhadap umat Islam secara bersama-sama, beramai-ramai atau berkumpulan, bukan dibebankan secara peribadi atau perseorangan. Selanjutnya, tuntutan tersebut akan tertunai apabila sebahagian daripada kalangan mereka telah mengerjakan fardhu tersebut.

Dalam hal ini juga, Abu Ishāq al-Syātībī (t.th.) berpendapat bahawa fardhu kifayah merupakan tugas beban yang bersifat tidak tetap dalam agama dan pengikutnya. Beertinya, hukum tugas beban boleh berubah daripada fardhu kifayah kepada fardhu 'ain sebaik sahaja tidak ada mana-mana pihak yang melaksanakan. Seterusnya, beliau menjelaskan perbezaan antara fardhu kifayah dengan mandub. Menurut beliau, tuntutan yang tidak boleh dielakkan adalah kifayah, adapun tuntutan yang boleh dielakkan adalah mandub. Fardhu kifayah juga merupakan mandub di atas individu.

Berhubung dengan batasan ilmu fardhu kifayah pula, al-Qaradāwī (1993) menjelaskan bahawa para ulama Islam telah memutuskan bahawa mempelajari ilmu kedokteran, kejuruteraan dan cabang-cabang yang lain. Dan demikian juga mempelajari ilmu industri yang tidak boleh menegakkan kehidupan manusia kecuali dengannya adalah fardhu kifayah di sisi umat Islam.

Dalam hal ini, al-Ghazālī (b) (t.th.) pernah melarang para penuntut daripada menyibukkan diri mereka dengan fardhu kifayah sebelum menyelesaikan fardhu 'ain terlebih dahulu. Larangan yang sama juga turut dikemukakan kemudiannya oleh Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1982).

Berdasarkan Tasawur Islam terhadap kewujudan, makalah ini merumuskan bahawa Ilmu pengetahuan Islam sama ada ilmu fardhu 'ain atau ilmu fadhu kifayah tetap dicorak oleh empat dimensi utama Tasawur Islam iaitu Ketuhanan, kemanusiaan, alam persekitaran dan

juga alam ghaib menerusi kaedah-kaedah tertentu. Ilmu pengetahuan Islam tidak terlepas daripada dimensi-dimensi tersebut. Ilmu fadhu kifayah kedoktoran misalnya, boleh dikaitkan dengan dimensi Ketuhanan, kemanusiaan, alam persekitaran dan juga alam ghaib; Dengan kata lain melalui Ilmu kedoktoran dapat membantu mengenalkan keagungan Tuhan, membantu manusia yang kelemahan, menjaga kebersihan persekitaran dan menghargai ciptaan-ciptaan di alam ghaib.

KESIMPULAN

Tasawur atau gambaran Islam terhadap dimensi-dimensi kewujudan dan sebalik kewujudan, menerusi acuan Usul Syariah dan juga Maqasid Syariah telah berjaya memainkan peranan penting dalam mencorak ilmu pengetahuan Islam yang unik. Ilmu pengetahuan yang memiliki dimensi Ketuhanan, kemanusiaan, alam persekitaran dan juga alam ghaib, tidak terkecuali sama ada Ilmu Fardhu 'Ain ataupun Ilmu Fardhu Kifayah. Menerusi dimensi-dimensi tersebut juga aktiviti-aktiviti rohani dan jasmani seorang Muslim terlaksana secara seimbang dan syumul dalam membina tamadun mereka di dunia dan mencari keredaan di akhirat kelak.

RUJUKAN

Ab. Aziz Mohd. Zin (1995). Keagungan Pencipta. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu 'Urwah (1989). Konsep-Konsep Umum Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abu Zaid, Bakr bin 'Abd Allāh (1996) Mu'jam al-Manāhā al-Lafziyyah. Ed. 3. Al-Riyādh: Dār al-'Āṣimah.

al-Alūsi (t.th.). Ruḥ al-Ma'ānī. Beirut: Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

al-'Aṭrāsī, Ridwān Jamāl (2011) al-Isrā'iliyyāt wa Dauruha fī Ifsīd al-Taṣawwur al-Islāmī: Ru'yah Tafsīriyyah Naqdiyyah. dalam Majallah Dirāsāt Da'wiyah. bil. 21. tk.: Al-Markaz al-Islāmī al-Afrīqī.

al-Baqā'ī, Burhan al-Dīn Abī al-Ḥasan Ibrāhīm bin 'Umar (t.th.). Nazm al-Durar fī Tanāsuh al-Ayāt wa al-Suwar. Al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Islāmī.

al-Basher, Muḥammad Fahad (t.th.) Al-Taṣawwur al-Islāmī li Manāhij al-Tarbiyyah. tk: tp.

al-Bayjūrī, al-Syaikh Ibrāhīm (t.th.). Hāsyiah al-'Allāmah al-Fādīl al-Syaikh Ibrāhīm al-Bayjūrī 'alā Syarḥ al-'Allāmah Ibn Qāsim al-Ghazzī 'alā Matn al-Syaikh Abī Syujā'. Tiada tempat penerbit: Dār al-Fikr.

Bey Arifin (1977). Mengenal Tuhan. Singapura: Pustaka Nasional.

al-Bujairimī, Sulaimān (1995). Bujairimī 'alā al-Khatīb. Beirut: Dār al-Fikr.

al-Fārābī (1890). Al-Thamarah al-Marḍiyyah. Leiden: E. J. Brill.

al-Ghazālī, Abu Ḥāmid (t.th.) Al-Iqtisād fī al-I'tiqād. Al-Qāhirah: Matba'ah al-Ḥusān.

al-Ghazālī, Abu Ḥāmid(b) (t.th.) Bidāyah al-Hidāyah. Deoban: Faisal Publication.

al-Ghazālī, Abu Ḥāmid(c) (t.th.) Al-Muṣtaṣfā min 'Ilm al-Uṣul. (Ḥamzah Zuhair Ḥāfiz, ed.), Madīnah: Tiada penerbit.

Ibn 'Abbās (t.th.). Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbās (Abī Ṭāhir bin Ya'qūb al-Fairūz Abādī, ed.), Tiada tempat penerbit: Dār al-Fikr.

Ibn Abī al-'Izzī al-Ḥanafī, Ṣadr al-Dīn 'Alī bin 'Alī bin Muḥammad (t.th.). Syarḥ al-Taḥawiyah fī al-'Aqīdah al-Salafiyyah. Riyādh: Al-Riyādh al-Hadīthah.

Ibn 'Ādil, Abū Ḥafṣ 'Umar bin 'Alī (1998). Al-Lubāb fī 'Ulūm al-Kitāb. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibnu Abdul Rahman (1998). *Ranjau-Ranjau Ke Syurga*. Petaling Jaya: Senada.

al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad al-Syarīf (1985). *Kitāb al-Ta'rifāt*. Beirut: Maktabah Lubnān.

al-Khāzin, 'Alā' al-Dīn 'Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Banghdādī (1979). *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'inī al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Fikr.

al-Lajā'ī, Abī Qāsim 'Abd al-Raḥmān bin Yūsuf (2001). *Quṭb al-'Ārifīn fī 'Aqā'id wa Taṣawwuf*. Beirut: Dār al-Ṣādir.

al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin Muhammad dan al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (t.th.). *Tafsīr al-Imāmain al-Jalīlain*. Tiada tempat penerbit: Dār Ibn Kathīr.

al-Maududi, Abul A'la (1979). *Prinsip-prinsip Islam*. Bandung: Al-Ma'arif.

al-Maududi, Abul A'la (1980). *Al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah*. (Ahmad Idris, terj). Al-Qāhirah: Al-Mukhtār al-Islāmī.

al-Maududi, Abul A'la (t.th.) *Niẓām al-Ḥayāh fī al-Islām*. tp.: Mimbar al-Tauḥīd wa al-Jihād.

al-Mubarak, Muhammad (t.th.). *Sistem Islam Akidah Dan Ibadat*. Terengganu: Yayasan Islam.

Muḥammad al-Rāzī, Fakh al-Dīn ibn al-'Allāmah Diyā' al-Dīn 'Umar (1981). *Tafsīr al-Fakh al-Rāzī*. Tiada tempat penerbit: Dār al-Fikr.

Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1982). *Peradaban Dalam Islam*. Ed.2. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Mustafā, Hasan Ali (1991) *Nasy'at al-Dīn bain al-Taṣawwur al-Insāni wa al-Taṣawwur al-Islāmī Dirāsah fī 'Ilm al-Ijtimā' al-Dīnī*. Constantine: Mu'assasah al-Isrā'.

Mustafa Muhammad al-Jayasi (1993). *Ramuan Ilmu Tasawuf*, ed. 7. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

al-Naisābūrī, Niẓām al-Dīn al-Ḥusain bin Muḥammad bin Ḥusain al-Qummī (1996). *Gharā'ib al-Qur'ān wa Raghā'ib al-Furqān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Osman Raliby (1969). *Allah Alam dan Manusia*. Jakarta: C.V. Publicita.

al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1993). *Malāmiḥ al-Mujtama' al-Muslim al-ladhī Nansyuduhu*. Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

al-Quḍāh, Sharaf (2003) *al-Taṣawwur al-Islāmī*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan

Mu'aasah al-Bayān.

Quṭb, Sayyid (1980). *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Beirut dan Al-Qāhirah: Dār al-Syurūq.

Quṭb, Sayyid (1997) *Muqawwimah al-Taṣawwur al-Islāmī*. Al-Qāhirah: Dār al-Syurūq.

Quṭb, Sayyid (t.th.) *Khasā'is al-Taṣawwur al-Islāmī wa Muqawwimātuh*. Al-Qāhirah: Dār al-Syurūq.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (t.th.). *Al-Asybāh wa al-Nazā'ir*. Miṣr: Muṣṭafā Muḥammad.

al-Syāṭibī, Abī Ishāq (t.th.). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣul al-Syarī'ah*. Miṣr: Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.

al-Ṭabarī, Abī Ja'far Muḥammad bin Jarīr (1997). *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Tahānawī, Muḥammad 'Alī (1996). *Mausū'ah Kasysyāf Istilāhāt al-Funūn wa al-Ulūm*. Beirut: Maktabah Lubnān.

Ṭanṭāwī, Muḥammad Sayyid (1997). *Al-Tafsīr al-Wasīt li al-Qur'ān al-Karīm*. Madīnah al-Sādis min Oktober: Dār al-Nahḍah Miṣr.

Ḍumairiyyah, 'Uṭhmān Jum'ah (1993). *Madkhal li Dirāsāt al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*. Jiddah: Maktabah al-Suwādī.

PRPM. (2022, Jun 25). Pusat Persuratan Persuratan Melayu. Retrieved from Pusat Persuratan Persuratan Melayu: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tasawur>